# Ramai pelajar IPT masih lemah bahasa Melayu

PERSATUAN Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) menyokong cadangan Profesor Diraja Ungku Aziz ketika menyampaikan ucap utama pada Seminar Permuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Kementerian Pelajaran di Universiti Putra Malaysia yang meminta kerajaan membuat perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu demi memupuk perpaduan antara kaum di negara ini.

Pembelajaran bahasa Melayu perlu lebih berkesan bagi mewujudkan suasana harmoni antara kaum.

Pandangan Profesor Diraja Ungku Aziz bahawa kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi belum sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu memang benar.

Hakikatnya, ramai mengabaikan bahasa kebangsaan ini.

**WAN MOHAMAD WASIF WAN MOHAMAD,**
*Yang Dipertua PBMUM*
*Kuala Lumpur.*

**Pengarang (Harian Pembaca) Berita Harian Sdn Bhd**
31 Jalan Riong, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur

**Faks: 03-22822425**

**E-mel:bhsurat@bharian.com.my**